



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Angkatan Tentera (Pindaan) 1983
DR.39/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 24 Akta Angkatan Tentera 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan bagi seksyen 24. Akta 77.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua belas" di mana jua ianya terdapat dalam subseksyen (2) dan (3) dengan perkataan-perkataan "lima belas"; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3), subseksyen (4) yang berikut:

"(4) Jika seseorang didaftarkan bagi perkhidmatan penuhmasa di bawah perenggan (a) subseksyen (2) atau perenggan (a) subseksyen (3) atau jika perkhidmatan penuhmasanya dilanjutkan di bawah seksyen 25 atau jika ia ditugaskan semula bagi perkhidmatan penuhmasa di bawah seksyen 26, orang itu hendaklah, apabila ia diberhentikan kerja ditukarkan kepada simpanan

bagi suatu tempoh tidak lebih daripada lima tahun mulai dari hari yang berikutan dengan hari ia diberhentikan kerja:

Dengan syarat sentiasanya bahawa askar-laskar tidak dikehendaki berkhidmat dalam simpanan selepas ia mencapai umur lima puluh tahun.”.

Pindaan bagi seksyen 25.

3. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “dua belas” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “lima belas”.

Pindaan bagi seksyen 188.

4. Seksyen 188 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “bersara daripada perkhidmatan atas permintaan-nya sendiri, atau apabila di-bersarakan secara paksa sama ada di-sebabkan oleh tiada pekerjaan yang sesuai atau oleh sebab ia telah menchapai umur boleh bersara yang biasa bagi pangkat-nya atau di-sebabkan oleh ia telah menamatkan tempoh perkhidmatan jangka pendeknya” dalam baris satu sehingga baris tujuh subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “diberhentikan atau ditamatkan perkhidmatannya, atau apabila ia meletakkan jawatan atau bersara”;

(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan “terhenti atau tamat perkhidmatannya, perletakan jawatan atau” selepas perkataan-perkataan “berikutan dengan hari” dalam baris 10 subseksyen (1); dan

(c) tiada berkenaan.

Seksyen baru 189A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 189, seksyen 189A yang berikut:

“Pangkat semasa berkhidmat dalam simpanan.

189A. Seseorang pegawai atau askar-laskar yang berkhidmat dalam Simpanan Angkatan Tetap adalah berhak sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam simpanan memegang pangkat hakiki yang akhir dipegang olehnya semasa berkhidmat dalam angkatan tetap.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Angkatan Tentera 1972 berkenaan dengan tempoh pendaftaran dalam angkatan tetap dan peruntukan-peruntukan berkaitan dengan penempatan dalam simpanan.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 24 Akta untuk membuat peruntukan bagi melanjutkan tempoh pendaftaran dalam angkatan tetap dan mengenai tanggungan setelah diberhentikan kerja untuk ditukarkan kepada simpanan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada lima tahun. Pindaan dalam *Fasal 3* adalah berbangkit dari pindaan kepada *Fasal 2*.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 188 Akta supaya dapat meluaskan lagi hal keadaan dalam mana pegawai-pegawai dikenakan berkhidmat dalam Simpanan Pegawai-Pegawai. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 189A ke dalam Akta bagi membuat peruntukan mengenai pangkat-pangkat yang akan dipegang oleh pegawai-pegawai dan askar-askar dalam Simpanan Angkatan Tetap.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1042.]